

Newspaper	Berita Harian
Date	6/3/2013

© RABU 6 MAC 2013 **BH**



“
Keputusan
suruhanjaya itu
menunjukkan
rakyat Sabah
mahu menyertai
Malaysia. Jadi
jelas, Sabah sah
hak Malaysia dan
tidak boleh
dituntut mana-
mana pihak atau
negara lain”

Rais Yatim,
Menteri Penerangan,
Komunikasi
dan Kebudayaan

Sabah sah milik Malaysia

BH - 6/3/2013

» Keputusan
Suruhanjaya
Cobbold dapati
semua pihak
bersetuju

Oleh **Ifwan Tun Tuah**
ifwan@bharian.com.my

► Kuala Klawang

Sabah adalah milik Malaysia yang sah mengikut undang-undang antarabangsa dan tidak boleh dituntut pihak lain termasuk kumpulan penganas yang mendakwa tentera Sultan Sulu.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata hak ke atas Sabah yang dulu dikenali Borneo Utara, diperolehi Syarikat Overback pada 1880-an daripada Kesultanan Sulu.

“Apabila Overback serahkan hak milik itu kepada Britain dan seterusnya diserahkan kepada Malaysia, maka segala hak mereka lupus

mengikut undang-undang antarabangsa. Apa yang dibayar kepada kerabat Sultan Sulu, iaitu kira-kira RM5,000 setahun hanya wang ehsan atau sagu hati.

“Ia dibayar kepada kerabat yang didaftarkan sebagai pewaris Sultan Sulu yang disahkan Sultan Brunei dulu, bukan pihak yang menceroboh Sabah ketika ini,” katanya selepas Majlis Jalinan Kasih Bersama Warga Penjara dan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di Institut Pemulihan Dadah Jelebu, di sini, semalam.

Penjelasan terperinci

Sambil meminta Wisma Putra membuat penjelasan mengenai perkara itu secara mendalam, beliau juga menjelaskan, Sabah menyertai Malaysia secara sah berdasarkan keputusan Suruhanjaya Cobbold pada 1963 yang mendapati semua pihak di negeri itu bersetuju.

“Keputusan suruhanjaya

itu menunjukkan rakyat Sabah mahu menyertai Malaysia. Jadi jelas, Sabah sah hak Malaysia dan tidak boleh dituntut mana-mana pihak atau negara lain,” katanya.

Mengikut laman web Arkib Negara, pembentukan Suruhanjaya Cobbold pada 17 Januari 1962 bagi memberi kebebasan dan keadilan kepada semua pihak. Suruhanjaya itu dibentuk hasil rundingan di antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan Britain pada November 1961.

Tujuan penubuhan suruhanjaya itu untuk meninjau pandangan penduduk di Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak mengenai gagasan Malaysia.

Hasil laporan suruhanjaya yang disahkan perwakilan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Ber-

satu (PBB) menunjukkan 80 peratus penduduk Sabah dan Sarawak menyokong penubuhan Malaysia yang kemudian diisytiharkan pada 16 September 1963.

Sementara itu, Rais meminta Kerajaan Filipina atas semangat ASEAN, bertindak tegas

terhadap penunjuk perasaan yang membakar bendera Malaysia dan memijak gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di depan Kedutaan Malaysia di Manila, semalam.

